

Kenaikan gaji menteri wajar — Dr. Mahathir

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

SUBANG 29 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak nampak kenapa para menteri Kabinet dan wakil rakyat tidak boleh mendapat kenaikan gaji yang agak tinggi kerana ia adalah wajar jika dibandingkan dengan pendapatan eksekutif di syarikat swasta.

"Kita tidak mahu berlaku jurang pendapatan

yang terlalu besar di antara menteri dan para eksekutif tinggi di syarikat swasta.

"Walaupun kita tahu menteri-menteri mendapat beberapa faedah sampingan (*perks*) serta elaun tertentu tetapi para eksekutif di syarikat swasta mendapat faedah dan elaun yang lebih tinggi daripada mereka," kata

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MU

KENAIKAN GAJI MENTERI WAJAR — DR. MAHATHIR

Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai isu kenaikan gaji menteri dan wakil rakyat di antara 60 hingga 100 peratus yang dipersoalkan oleh beberapa parti pembangkang sewaktu sidang akhbar sekembali dari lawatan tidak rasmi ke Jepun dan Korea Selatan petang ini.

Usul kenaikan gaji paramenteri (termasuk Perdana Menteri dan timbailannya) serta anggota-anggota Parlimen terkandung dalam Rang Undang-Undang (Pindaan) Akta Ahli Parlimen yang dibentangkan di sidang Dewan Rakyat 20 Disember lalu.

Di bawah pindaan itu, Perdana Menteri akan menerima gaji bulanan sebanyak \$17,000 berbanding \$8,500 yang diperolehinya sekarang, Timbalan Perdana Menteri \$13,500 berbanding \$7,500 sekarang, menteri-menteri Kabinet \$1,500 (sekarang \$6,500), timbalan menteri \$8,000 (sekarang \$5,000) dan setiausaha Parlimen \$5,250 (sekarang \$3,500).

Sementara ahli-ahli Parlimen

pula akan menerima kenaikan kira-kira \$1,600 daripada elaun asal sebanyak \$3,150.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, adalah tidak wajar bagi seorang menteri yang tanggungjawabnya adalah menjaga keadaan negara mendapat ganjaran yang jauh lebih rendah daripada sektor swasta.

Katanya, ada menteri yang memegang dua hingga tiga jawatan tetapi dibayar gaji untuk satu jawatan sahaja dan ini tidak secocok dengan tanggungjawab yang dipikulnya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, soalnya apabila Kabinet memutuskan untuk memotong gaji menteri selama 10 tahun tidak ada siapapun yang berkata 'terima kasih' atau memuji kerajaan.

"Tetapi apabila kita nak naikkan gaji menteri, semua orang bising sedangkan sudah banyak kali kita menolak cadangan ini," katanya lagi.

Mengenai faedah-faedah lain yang diterima oleh menteri selain gaji pokok, Perdana Men-

teri menambah, ia tidaklah menghairankan jika dibandingkan dengan ganjaran yang diperolehi oleh rakan mereka di sektor swasta.

Beliau menjelaskan, ada eksekutif syarikat gergasi yang ganjaran-ganjaran dan faedah sampingan mereka melebihi \$1 juta setahun dan apalah jumlah ini jika dibandingkan dengan faedah-faedah yang diberikan kepada seorang menteri.

Perlu disebut, bagi menteri dan timbalan menteri, selain elaun wakil rakyat, mereka juga menerima gaji bulanan bersama rumah rasmi, kereta rasmi, pembantu rumah, pemandu, tukang masak dan kebun yang semuanya dibayar oleh kerajaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah begitulah juga dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

"Saya ingin jelaskan, jika pegawai tinggi tak diberi gaji yang boleh dibandingkan dengan sektor swasta, mungkin ramai pegawai tinggi yang akan lari meninggalkan perkhidmatan kerajaan.

"Gaji jurutera dalam kerajaan umpamanya separuh gaji dalam sektor swasta begitu juga dengan gaji pegawai tinggi dalam syarikat swasta yang dimiliki oleh kerajaan.

"Ada pengerusi sebuah syarikat swasta milik kerajaan yang mendapat gaji 525,000 sebulan tidak termasuk ganjaran dan faedah lain," jelasnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga hairanada orang mengaitkan menteri-menteri dengan perniagaan.

Beliau ingin tahu apakah buktinya dan jika benar, menteri-menteri ini haruslah meletakkan jawatannya.

"Tetapi soalnya buat masa ini tidak ada menteri yang terlibat dalam pemiagaan dan jika hendak dibandingkan dengan tanggungjawab mereka kepada negara, saya tidak nampak mengapa mereka tidak wajar menerima kenaikan gaji yang agak tinggi setelah bertahun tidak menerima perubahan gaji," tegas beliau.